



GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PENGGUNAAN INTERNET DAN MEL ELEKTRONIK DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN

INFO INTEGRITI KPWKM 2/2014

Penjawat awam adalah **DILARANG** daripada melakukan sebarang aktiviti yang boleh melanggar tatacara penggunaan *e-mel*/rasmi Kerajaan seperti berikut:

- ❖ Menggunakan akaun *e-mel* milik orang lain, berkongsi akaun *e-mel* atau memberi akaun *e-mel* kepada orang lain;
- ❖ Menggunakan identiti palsu atau menyamar sebagai penghantar maklumat yang sah;
- ❖ Menggunakan *e-mel* untuk tujuan komersial atau politik;
- ❖ Menghantar dan memiliki bahan-bahan yang salah di sisi undang-undang seperti bahan lucah, perjudian dan jenayah;
- ❖ Menghantar dan melibatkan diri dalam *e-mel* yang berunsur hasutan, *e-mel* sampah, *e-mel* spam atau aktiviti-aktiviti lain yang ditegah oleh undang-undang Kerajaan Malaysia;
- ❖ Menyebarkan kod perosak seperti *virus*, *worm*, dan *trojan horse* yang boleh merosakkan sistem komputer dan maklumat pengguna lain;
- ❖ Menghantar semula *e-mel* yang gagal sampai ke destinasi sebelum menyiasat punca kejadian; dan
- ❖ Membenarkan pihak ketiga untuk menjawab *e-mel* kepada penghantar asal bagi pihaknya.